

MAHATHIR - MUSABAQAH 'R'R'R

(EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 8.30 MALAM INI, 28 MEI
1983

KUALA TERENGGANU, 28 MEI (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI BAHAWA HASRAT KERAJAAN UNTUK MENYERAP NILAI-NILAI ISLAM DALAM PEMERINTAH NEGARA INI TIDAK HARUS MEMBANGKITKAN APA JUGA PERASAAN CURIGA MANA-MANA PIHAK.

PERDANA MENTERI BERKATA HANYA MEREKA YANG BERNIAT BURUK DAN TIDAK SENANG MELIHAT KETENANGAN NEGARA TIDAK BERHENTI-HENTI MENIMBULKAN KETAKUTAN DI KALANGAN ORANG BUKAN ISLAM TERHADAP NIAT KERAJAAN ITU.

BERUCAP MERASMIKAN MUSABAQAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN DI SINI, BELIAU BERKATA ISLAM TIDAKLAH BERCANGGAH DENGAN APA JUGA NILAI BAIK YANG BOLEH DITERIMA OLEH PENGANUT-PENGANUT AGAMA LAIN.

KATANYA KEADILAN YANG DIAMALKAN, SIFAT BERSAUDARA, HIDUP BERTIMBANGRASA, BERKENAL-KENALAN ANTARA KAUM DAN LAIN-LAIN LAGI IALAH NILAI YANG DITUNTUT OLEH ISLAM.

+INI KITA AMALKAN KERANA SEMUANYA ADALAH DISURUH OLEH AGAMA ISLAM YANG KITA ANUTI,+ KATANYA.

MENGENAI TEMA TAHUN INI, +KEBERSIHAN ASAS KESEMPURNAAN IMAN', DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBERSIHAN YANG DITUNTUT OLEH ISLAM MELIPUTI SEMUA ASPEK KEHIDUPAN TERMASUK EKONOMI, PENTADBIRAN, PENGURUSAN DAN POLITIK. -- LAGI 1832/0M

MAHATHIR -MUSABAQAH 2 KUALA TERENGGANU

DALAM ISLAM APA YANG BAIK TIDAK HARUS DIPAKSA LAGI, DAN HENDAKLAH MENJADI MANIFESTASI KEIMANAN DAN BEGITU JUGA DENGAN KEBERSIHAN YANG MENJADI SALAH SATU ASAS DAN PRINSIP YANG PENTING DALAM ISLAM KATANYA.

KATANYA KEBERSIHAN YANG DIMAKSUDKAN DALAM TEMA ITU IALAH KEBERSIHAN YANG MENJADI NILAI, PRINSIP DAN CARA HIDUP, BUKAN SETAKAT PERKARA-PERKARA TERTENTU SAHAJA ATAU DALAM PENGERTIAN YANG SEMPIT.

+KEBERSIHAN DI SINI MELIPUTI HATI DAN JIWA SESEORANG. HATI YANG BERSIH IALAH HATI YANG PENUH KEIMANAN YANG BENAR-BENAR BERASASKAN KEPADA PENGERTIAN DAN PENERIMAAN HUKUM ISLAM YANG SEBENARNYA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENAMBAH DENGAN ITU JUGA UMAT ISLAM DAPAT MENGELAKKAN DIRI DARIPADA BUSUK HATI SERTA DAPAT MENGHINDARKAN DARIPADA BURUK SANGKA, FITNAH-MEMFITNAH DAN SEGALA KEBURUKAN DAN KEJAHATAN.

INI DAPAT DILAKUKAN BUKAN SAHAJA BAGI DIRI SENDIRI, BAHKAN BAGI KELUARGA, JIRAN DAN MASYARAKAT DAN DENGAN ITU 'KITA DAPAT MEMUPUK PERSEFAHAMAN, HORMAT-MENGHORMATAI DAN BERBAIK SANGKA SESAMA UMAT ISLAM DAN SESAMA MANUSIA+', KATANYA. -- LAGI 1841/0

ZCZC B613:

MAHATHIR- MUSABAQAH 3 KUALA TERENGGANU

PENGANUT AGAMA ISLAM TAMBAH BELIAU ADALAH MANUSIA YANG LEBIH ISTIMEWA KERANA BUKAN SAHAJA MEREKA MEMPUYAI AKAL FIKIRAN TETAPI SEGALA ASPEK KEHIDUPAN MEREKA TELAH DITENTU OLEH ISLAM SEBAGAI AD-DIN.

+JIKA ORANG ISLAM LEMAH LAGI PADA MANA-MANA MASA ATAU TEMPAT, SEBABNYA BUKAN LAH KERANA KEKURANGAN AKAL FIKIRAN ATAU PANDUAN, TETAPI DISEBABKAN MEMBIAR NAFSU DAN SYAITAN MENGUASAI MEREKA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBERSIHAN DIUTAMAKAN DALAM NEGARA SEBAGAI SATU LAGI CARA MENYERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN NEGARA.

KATANYA KEBERSIHAN YANG DIPERLUKAN OLEH ISLAM MERUPAKAN PRINSIP YANG MULIA LAGI TINGGI DAN INI MEMBEZAKAN UMAT ISLAM DENGAN MANUSIA SEJAGAT DAN SEKIRANYA UMAT ISLAM TIDAK DAPAT MELIHAT PERBEZAAN TERSEBUT MAKA PRINSIP ITU BELUM LAGI MENJADI SEBATI DI KALANGAN UMAT ISLAM.

+INI JUGA BERMAKNA KITA BELUM LAGI MEMIKUL TANGGUNGJAWAB SEPE-NUHNYA SEBAGAI UMAT ISLAM DAN INI TENTULAH MEMBERI GAMBARAN YANG SALAH KEPADA MASYARAKAT UMAT ISLAM DAN INI TENTULAH MEMBERI GAMBARAN YANG SALAH KEPADA MASYARAKAT BUKAN ISLAM DAN ORANG ISLAM YANG TIDAK BEGITU MENDALAM DALAM PENGETAHUAN ISLAM.

+INI SEMUA MEMBERI KESAN NEGATIF KE ARAH MEMUPUK GENERASI ISLAM YANG BERKEMAMPUAN MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERKESAN KE ARAH KEMAJUAN UMAT ISLAM, KATANYA. -- LAGI 1850/OM

MAHATHIR-MUSABAQAH 4 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD MENASIHATKAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI SUPAYA MENJADIKAN NASIB YANG MENIMPA UMAT ISLAM DI NEGARA-NEGARA LAIN SEBAGAI SATU IKTIBAR (PENGAJARAN) YANG BESAR BAGI MEREKA.

KATANYA, UMAT ISLAM DIBERKATI ALLAH DENGAN NIKMAT DAN KHAZANAH KEKAYAAN YANG MAMPU MENANDINGI KEKUATAN MUSUH, TETAPI MEREKA DITIMPA KEKALAHAN DEMI KEKALAHAN DI SEMUA MEDAN PERJUANGAN.

UMAT ISLAM MENERIMA NASIB SEDEMIKIAN KERANA TERDAPAT DI KALANGAN EREKA SENDIRI YANG MEMBELAKANGI AJARAN-AJARAN AL QURAN DENGAN MELETAKKAN NIKMAT ANUGERAH ALLAH PADA TEMPAT YANG TIDAK WAJAR.

MEREKA JUGA SENTIASA MENYALAKAN API PERPECAHAN DAN PERMUSUHAN SESAMA SENDIRI (ISLAM), TAMBAH BELIAU.

DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR BERKATA UMAT ISLAM DI MALAYSIA JUGA MULA MENGECAPI NIKMAT KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN DARI TUHAN DAN MEREKA HENDAKLAH MENJADIKAN IKTIBAR TENTANG NASIB UMAT ISLAM DI TEMPAT LAIN AGAR MEREKA TIDAK DITIMPA NASIB YANG SAMA.

-- LAGI 1840/AZ

ZCZC B619

MUSABAQAH 5 KUALA LUMPUR

BELIAU KESAL KERANA TERDAPAT SEGOLONGAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI YANG SANGGUP MEMPERMAINKAN AYAT-AYAT QURAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI DAN POLITIK SEHINGGA MENIMBULKAN PERPECAHAN UMMAH.

DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR MENSIFATKAN GOLONGAN TERSEBUT SEPERTI KELKATU YANG MENGEJAR CAHAYA API YANG AKHIRNYA MEMBINASAKAN DIRI SENDIRI KETIKA BERLUMBA-LUMBA MENUJU KE DALAMNYA.

MENGENAI MUSABAQAH TERSEBUT, BELIAU BERKATA SEJAK SUKU ABAD LALU, MUSABAQAH YANG DIANJURKAN OLEH KERAJAAN ITU MENGHARUMKAN NAMA MALAYSIA KE SELURUH DUNIA ISLAM DISAMPING MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA KEMBALI KEPADA HIDAYAT (PETUNJUK) AL-QURAN.

KATANYA PENCAPAIAN ISTIMEWA MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN DIKAGUMI OLEH DUNIA ISLAM SEHINGGA ADA YANG TELAH MENGAMBIL CONTOH DARI MALAYSIA UNTUK MENGADAKAN MUSABAQAH YANG SAMA.

DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR MENSIFATKAN KEJAYAAN MALAYSIA MENGANJURKAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN YANG DICONTOSI OLEH BEBERAPA BUAH NEGARA ISLAM LAIN SEBAGAI SATU BUKTI BAHAWA IANYA TELAH DIRESTUI OLEH ALLAH. -- BERNAMA 1843/AZ